

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XV)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

14. Rangkaian internet dan telekomunikasi tanpa wayar agak tidak memuaskan, ada kawasan yang begitu sukar bagi capaian tersebut seperti di Bukit Belah, Saujana Height, Sungai Batu dan sebahagian Gertak Sanggul.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri pastikan kawasan tersebut tidak ketinggalan dengan arus dunia tanpa sempadan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai masalah rangkaian internet dan telekomunikasi tanpa wayar yang berlaku di kawasan Bukit Belah, Saujana Height, Sungai Batu dan sebahagian Gertak Sanggul. Pada ketika ini, hanya terdapat dua (2) buah struktur telekomunikasi jenis *rooftop* di kawasan Bukit Belah, sebuah struktur telekomunikasi jenis *rooftop* di kawasan Sungai Batu dan dua (2) buah menara telekomunikasi di kawasan Gertak Sanggul. Kekurangan struktur telekomunikasi dan kekangan untuk mendapatkan lokasi yang sesuai bagi pembinaan struktur telekomunikasi di kawasan-kawasan tersebut adalah disebabkan oleh kedudukan geografi yang berbukit bukau. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Syarikat *PDC Telecommunications and Services (PDCTS)* kini sedang dalam proses kajian untuk menaik taraf liputan struktur sedia ada atau membina

struktur telekomunikasi di kawasan Bukit Belah dan Saujana Height bagi mengatasi masalah liputan yang berlaku di kawasan tersebut.

Adalah menjadi harapan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam memastikan semua kawasan di Negeri Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 selaras hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa menjelang Tahun 2025.